

## **23) PEMBANGUNAN KOMERSIAL DAN PERUMAHAN**

**Adun : Y.B. Tuan Rosnizan Bin Ahmad (Morib)**

**Kategori : Bertulis**

**Sesi : 1 (2025)**

Sub soalan :

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor ada perancangan untuk membuat kawasan perumahan yang bertaraf bandar seperti Bandar Rimbayu di kawasan DUN Morib?**

Kerajaan Negeri belum mempunyai pelan untuk membangunkan secara khususnya projek perumahan bertaraf bandar yang dibiayai sepenuhnya atau secara usahasama dengan pemaju swasta di kawasan Dun Morib. Namun, Kerajaan Negeri mengalu-mengalukan pemaju yang berupaya membangunkan projek perumahan berskala besar seiring dengan pelan Pembangunan Serantau Bersepadu Selatan Selangor (IDRISS).

Melalui IDRISS, Kerajaan Negeri yakin dapat menarik minat pemaju swasta untuk bersama-sama membangunkan projek pembangunan berasaskan wilayah yang merupakan salah satu agenda dalam Rancangan Selangor pertama di bawah teras ekonomi, di mana Daerah Sepang dan Kuala Langat menjadi tumpuan khusus merangkumi tanah seluas 40,000 ekar dengan anggaran Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM1 trilion.

Namun, cadangan tersebut memerlukan perancangan teliti dan komitmen yang tinggi daripada pelbagai pihak bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan seterusnya memberi manfaat kepada seluruh pihak terutamanya rakyat Selangor di DUN Morib.

- b) Senaraikan projek perumahan Kerajaan Negeri Selangor dan syarikat swasta di DUN Morib yang dalam pembinaan dan akan dibina di DUN Morib.**

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) hanya memantau pembangunan yang melibatkan hartanah harga kawalan (mampu milik) di Negeri Selangor.

Berdasarkan rekod secara keseluruhannya, sebanyak 6 projek dengan 1,444 unit Rumah Selangorku telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

(MMKN) sedang dalam pembinaan dan akan dibina di DUN Morib. Daripada jumlah tersebut 3 projek dengan 480 unit sedang dalam pembinaan dan 3 projek dengan 964 unit lagi sedang dalam peringkat perancangan.

Perincian pembangunan projek Rumah Selangorku di DUN Morib adalah seperti berikut :

i. Dalam pembinaan

| BIL.          | NAMA PEMBANGUNAN                 | LOKASI PROJEK                                                                        | BIL. UNIT  |
|---------------|----------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.            | Pangsapuri Morib Anggun (Fasa 1) | Di Atas Lot 13379, (Plot L Seluas 7.97 Ekar) Mukim Morib, Daerah Kuala Langat.       | <b>315</b> |
| 2.            | Rumah Selangorku Orkid           | Di Atas Plot N, PT 1164 HSD 41647, Mukim Morib, Daerah Kuala Langat.                 | <b>150</b> |
| 3.            | Taman Jugra Cemerlang            | Di Atas Lot 452 Dan Lot 453 Mukim Bandar, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan. | <b>15</b>  |
| <b>JUMLAH</b> |                                  |                                                                                      | <b>480</b> |

ii. Dalam perancangan

| BIL.          | NAMA PEMAJU                                                          | LOKASI PROJEK                                                                  | BIL. UNIT  |
|---------------|----------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------|------------|
| 1.            | TS Development Sdn. Bhd.                                             | Di Atas Hakmilik GRN 197482 Lot 2507, Mukim Bandar, Daerah Kuala Langat.       | <b>109</b> |
| 2.            | Sentoria Harta Sdn. Bhd. Dan Seriemas Development Sdn. Bhd. (Fasa 2) | Di Atas Lot 13379, (Plot L Seluas 7.97 Ekar) Mukim Morib, Daerah Kuala Langat. | <b>315</b> |
| 3.            | Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) - Kampung Sawah                | Di Atas Hakmilik HSD 48663 PT 4306, Kampung Sawah, Mukim Bandar, Kuala Langat. | <b>540</b> |
| <b>JUMLAH</b> |                                                                      |                                                                                | <b>964</b> |

c) **Senaraikan projek pembangunan komersial dan industri di DUN Morib yang dalam pembinaan dan akan dibina di DUN Morib.**

Berdasarkan rekod Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS), ketika ini tiada sebarang pembangunan hartanah mampu milik yang lain seperti komersial dan industri mampu milik yang dirancang pembinaan di DUN Morib.